

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

STU451 - Perundangan Sosial

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

1. Roscoe Pound, seorang pakar undang-undang di Amerika Syarikat telah menyebut bahawa undang-undang merupakan suatu "Kejuruteraan Sosial" yang berfungsi untuk menggerakkan kehidupan dan tamadun sesuatu masyarakat. Bahaskan.

[100 markah]

2. Bincangkan acara jenayah yang diamalkan di Malaysia. Sejauhmanakah Kanun Keseksaan menjadi undang-undang induk bagi undang-undang jenayah di negara ini?

[100 markah]

3. Nyatakan peranan utama yang boleh dimainkan oleh Biro Bantuan Guaman dalam membantu masyarakat miskin. Apakah kelebihan dan kebaikan Akta Bantuan Guaman, 1971?

[100 markah]

4. "Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam telah berjaya menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan perkahwinan dalam masyarakat Malaysia". Bahaskan.

[100 markah]

... 2/-

5. Pada tahun 1978 terdapat sebanyak 769 wanita dan gadis telah diberikan perlindungan di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973. Pada pendapat anda, adakah akta ini berkeupayaan untuk melindungi wanita dan gadis daripada menghadapi masalah keruntuhan moral? Bincangkan.

[100 markah]

6. Penderaan kanak-kanak telah menjadi satu amalan dalam masyarakat masakini. Baru-baru ini seorang juruteknik pertanian telah dihukum 10 tahun penjara kerana mendera dua orang kanak-kanak. Pada pandangan anda, sejauhmanakah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda, 1947 dapat menyelesaikan masalah penderaan kanak-kanak ini?

[100 markah]

7. Khor Bau, seorang anggota Kesatuan Sekerja yang aktif telah diambil tindakan disiplin oleh majikannya, Lem Boo. Tuduhan yang dikenakan ke atasnya ialah menganjurkan mogok dan memukul majikannya sehingga cedera parah. Sekiranya didapati bersalah, Khor Bau mungkin dibuang kerja. Sejauh manakah undang-undang dapat memberikan perlindungan kepada pekerja sedemikian. Bincangkan!

[100 markah]